

SOALAN NO: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL

TARIKH: 29 MAC 2018

SOALAN:

Dato' Wira Othman Bin Abdul [Pendang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah benar 50,000 pekerja telah diberhentikan. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk membantu golongan ini.

PR-1361-L04283

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berdasarkan laporan pemberhentian oleh majikan yang diterima oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK), jumlah pemberhentian pekerja bagi tahun 2017 adalah seramai 35,097 orang. Jumlah pemberhentian bagi tahun 2017 adalah lebih rendah berbanding tahun 2016 yang mana seramai 37,699 orang pekerja diberhentikan. Sehubungan itu, dakwaan pihak tertentu bahawa 50,000 pekerja telah diberhentikan adalah tidak tepat.
2. Bagi membantu pekerja yang diberhentikan, Kerajaan telah memperkenalkan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) mulai 1 Januari 2018 sebagai satu bentuk perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja yang kehilangan pekerjaan. Melalui SIP, golongan ini akan menerima bantuan kewangan sementara serta dibantu secara khusus bagi mendapatkan pekerjaan baharu melalui perkhidmatan pekerjaan. Di samping itu, mereka juga akan diberi peluang mengikuti program latihan bagi meningkatkan kebolehkerjaan mereka.
3. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM122 juta bagi membolehkan mereka yang kehilangan pekerjaan pada tahun 2018 menerima faedah SIP interim sebelum faedah SIP kepada orang berinsurans yang berkecualan mula dibayar pada 1 Januari 2019. Seterusnya, bagi membantu pekerja yang

diberhentikan, Kementerian Sumber Manusia (KSM) juga telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) Pihak majikan dikehendaki melaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sekiranya ingin melaksanakan pemberhentian pekerja. Majikan juga dikehendaki menawarkan skim pemberhentian secara sukarela dengan membayar pampasan atau faedah penamatan kerja pada kadar yang sebaik mungkin kepada pekerja yang layak. Bagi tahun 2017, sebanyak RM304.6 juta bayaran faedah telah dibayar oleh majikan kepada pekerja yang diberhentikan;
- (ii) JTK melalui *JobsMalaysia* turut mengambil inisiatif dalam membantu menempatkan pekerja-pekerja yang diberhentikan dalam pekerjaan baharu. Bagi tahun 2017, seramai 1,276 orang pekerja yang diberhentikan telah berdaftar di Portal *JobsMalaysia*. Daripada jumlah itu, seramai 253 orang telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan baharu; dan
- (iii) Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui *1Malaysia Outplacement Centre* (1MOC) membantu mendapatkan khidmat kaunseling, perancangan kerjaya, suai padan pekerjaan dan latihan. Bagi tahun 2017, seramai 5,166 pekerja yang diberhentikan telah berdaftar di Portal 1MOC. Daripada jumlah itu, seramai 3,162 orang telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan.

3

4. Selain itu, Kerajaan telah menetapkan melalui Akta Kerja 1955 bahawa sekiranya majikan mahu melaksanakan pengurangan pekerja, majikan dikehendaki memberhentikan pekerja asing terlebih dahulu sebelum memberhentikan pekerja tempatan. Langkah ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan yang mengutamakan rakyat tempatan dalam pekerjaan dan penggajian.

5. Kesimpulannya, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa berusaha untuk memberi perlindungan sewajarnya kepada semua pekerja yang telah diberhentikan oleh majikan. KSM bersama Jabatan dan Agensi juga telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu para pencari kerja bagi mendapatkan pekerjaan termasuklah dikalangan pekerja yang diberhentikan kerja.